

**KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH KALI KE-600 BIL.6/2024
21 JUN 2024**

1) ANUGERAH PERINGKAT ANTARABANGSA : *MITIGATION AND ADAPTATION BADGE* BAGI TAHUN 2023

Pada 29 April 2024, The United Cities and Local Governments Asia - Pacific (UCLG ASPAC) melalui Global Covenant of Mayors for Climate Energy (GCoM) Southeast Asia Secretariat telah menganugerahkan *Mitigation and Adaptation Badge* bagi tahun 2023 kepada MBSP atas komitmen terhadap isu berkaitan perubahan dan penyesuaian iklim.

Kriteria penganugerahan ini dibuat berdasarkan laporan tahunan CDP - ICLEI yang dihantar oleh MBSP. MBSP telah menerima anugerah yang sama pada tahun 2022. MBSP akan terus komited menjadi sebuah bandaraya mampan dan berdaya huni.

2) MBSP MELARANG MENJALANKAN KERJA TANAH TANPA KELULUSAN

MBSP telah menjalankan pendakwaan di mahkamah terhadap pemunya tanah dan orang yang telah menjalankan aktiviti kerja tanah tanpa kelulusan di Seberang Perai Tengah iaitu menambun sawah padi bagi tujuan lot lidi. Pada 11 Jun 2024, Orang Kena Saman (OKS) telah hadir ke Mahkamah Majistret Majlis Bandaraya Seberang Perai dan mengaku bersalah atas pertuduhan tersebut dan dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM30,000.00.

MBSP dengan ini mengingatkan kepada seluruh warga Seberang Perai agar sentiasa mematuhi undang-undang dan tidak sewenang-wenangnya menjalankan aktiviti kerja tanah tanpa kelulusan daripada MBSP dan menjadikan tanah-tanah tersebut sebagai lot-lot lidi yang boleh menyebabkan berlakunya banjir lumpur kepada kawasan sekitar.

MBSP akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana individu atau syarikat yang didapati menjalankan aktiviti kerja tanah tanpa kelulusan atau menambun tanah bendang untuk dijual sebagai lot lidi. Turut dinasihatkan agar kita semua mematuhi kehendak notis-notis dan syarat-syarat yang telah dikeluarkan oleh MBSP.

3) PROGRAM MESRA PELANGGAN MBSP PADA 30 JUN 2024 (AHAD) BERTEMPAT DI DEWAN ORANG RAMAI TAMAN ARA JAYA, ARA KUDA, TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) akan mengadakan **Program Mesra Pelanggan** pada **30 Jun 2024 (Ahad)** bertempat di **Dewan Orang Ramai Taman Ara Jaya, Ara Kuda, Tasek Gelugor SPU**

Program pada kali ini menyasarkan penduduk dan pembeli rumah di kawasan skim perumahan di Ara Kuda / Tasek Gelugor / Kubang Menerong / Bertam dan kawasan sekitar yang telah dikeluarkan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance – CCC*) baru-baru ini untuk mereka memohon kelulusan

sekiranya hendak menjalankan kerja-kerja ubahsuai / pindaan / tambahan kepada rumah kediaman mereka. Dalam masa yang sama, penduduk daripada kawasan lain juga boleh menyertai dan memohon kelulusan melalui program ini.

Pihak MBSP juga mengalu-alukan semua pihak yang mempunyai rumah kediaman supaya mendapatkan kelulusan bagi sebarang pindaan dan tambahan yang hendak dijalankan ke atas rumah kediaman mereka. Ini untuk memastikan supaya semua kerja-kerja binaan adalah dijalankan dengan teratur dan bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan diambil ke atas kerja-kerja binaan yang dijalankan tanpa kebenaran.

Dengan ini, semua penduduk / pembeli / orang ramai adalah dijemput untuk menyertai Program Mesra Pelanggan MBSP ini dan kelulusan pindaan dan tambahan ke atas rumah-rumah kediaman akan diberikan secara serta merta pada hari tersebut tertakluk kepada syarat-syarat yang perlu dipatuhi.

Untuk maklumat lanjut sila hubungi Jabatan Bangunan MBSP di talian 04-5497737 / 045497776

4) PROMOSI BAYARAN CUKAI TAKSIRAN BAGI PENGGAL KEDUA 2024

Adalah dimaklumkan bahawa **PROMOSI BAYARAN CUKAI TAKSIRAN BAGI PENGGAL KEDUA 2024** akan bermula pada **1 Julai 2024 hingga 31 Ogos 2024**. Promosi ini diadakan khas kepada seluruh pemilik premis di Seberang Perai yang membuat pembayaran cukai taksiran setahun 2024 berserta tunggakan (jika

ada) melalui **saluran *online*, kiosk dan agensi kutipan yang telah dilantik sahaja.**

Sebanyak **30 hadiah cabutan bertuah** telah disediakan dan hadiah berkenaan adalah seperti berikut: -

KEDUDUKAN	HADIAH
Tempat Pertama	Wang Tunai RM5,555
Tempat Ke-2	Wang Tunai RM4,000
Tempat Ke-3	Wang Tunai RM3,000
Tempat Ke-4	Wang Tunai RM2,000
Tempat Ke-5	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke-6	Wang Tunai RM700
Tempat Ke-7	Wang Tunai RM500
Tempat Ke-8	Wang Tunai RM400
Tempat Ke-9	Wang Tunai RM300
Tempat Ke-10	Wang Tunai RM200
Tempat Ke-11 hingga Tempat Ke-30	Wang Tunai RM100

Saya dengan ini menyeru kepada semua pemilik premis agar segera merebut peluang keemasan ini dengan membuat bayaran cukai taksiran tahun 2024 berserta tunggakan (jika ada) bagi melayakkan anda untuk cabutan bertuah.

Maklumat lanjut berkaitan promosi serta terma dan syarat, sila layari laman web <https://www.mbsp.gov.my> atau hubungi Jabatan

Perbendaharaan MBSP di talian **04-5497470 / 471 / 696 / 697** atau e-mel di waran@mbsp.gov.my

5) PROGRAM PEMANDULAN BERSUBSIDI MEGA (SPAYTHON) DENGAN KERJASAMA SYARIKAT EMPIRE VET SDN. BHD.

Adalah dimaklumkan bahawa satu (1) program pemandulan bersubsidi mega (Spaython) akan diadakan dengan kerjasama Syarikat Empire Vet Sdn. Bhd. Program ini akan diadakan selama dua (2) hari iaitu pada 3 hingga 4 Ogos 2024 (Sabtu dan Ahad) bertempat di Autocity Concept Hall Juru.

Program ini merupakan program pertama anjuran MBSP yang berkonsepkan pemandulan secara besar-besaran yg dilakukan di luar fasiliti klinik. Program ini menyasarkan sebanyak 100 ekor anjing pada 3 Ogos 2024 (Sabtu) dan 100 ekor kucing pada hari berikutnya, 4 Ogos 2024 (Ahad). Program ini akan melibatkan pelbagai agensi iaitu daripada pihak Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang (JPVPP) dan NGO,

Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan tentang pemandulan dan kebaikannya selain menerapkan sikap bertanggungjawab dalam penjagaan haiwan kesayangan. Program ini juga menawarkan harga pemandulan mampu milik kepada penduduk di Seberang Perai.

6) SAMBUTAN MAAL HIJRAH 1446H DAN HARI ULANG TAHUN PENGISYTIHARAN TAPAK WARISAN DUNIA

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan selamat menyambut Sambutan Maal Hijrah 1446H. Awal Muharram atau Maal Hijrah merupakan hari yang penting bagi umat Islam kerana menandakan peristiwa penting yang berlaku dalam sejarah Islam iaitu memperingati penghijrahan Nabi Muhammad S.A.W. dari Kota Makkah ke Kota Madinah pada tahun 622M. Sambutan Maal Hijrah 1446H akan disambut 7 Julai 2024 (Ahad) .

Selain itu, pada tarikh tersebut juga adalah Hari Ulang Tahun Perisytiharan Tapak Warisan Dunia yang merupakan hari kelepasan am bagi negeri Pulau Pinang. Oleh itu, keesokan harinya merupakan cuti ganti hari kelepasan am. Tiada sebarang cuti gantian pada hari seterusnya apabila dua (2) hari kelepasan am jatuh pada hari yang sama sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta 369.

7) SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN KE 75 TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Sambutan Hari Ulang Tahun Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang yang bakal diraikan pada 13 Julai 2024 (Sabtu). Oleh itu, hari tersebut merupakan hari kelepasan am. Kami mendoakan kesejahteraan dan kesihatan yang baik dikurniakan kepada Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datin Seri Khadijah Binti Mohd Nor dan seisi keluarga.

SEKIAN, TERIMA KASIH.